

**SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PUSTAKAWAN**

1. (a) Jawatan : Penolong Pustakawan Gred S5
- (b) Jabatan : Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial

2. Jadual Gaji :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,650.00	RM6,620.00	RM145.00

3. Syarat Lantikan

: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S5: RM1,650.00); atau

- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S5: RM1,650.00); atau

- (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S5: RM1,650.00); atau

- (iv) Diploma Pengurusan Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S5: RM1,893.00)

4. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujuran (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
5. Syarat Tambahan : (a) Mempunyai pengalaman dalam bidang perpustakaan minima tiga (3) tahun.
(b) Mempunyai kemahiran kepimpinan, pengurusan, komunikasi dan interpersonal yang baik.
6. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Pustakawan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pustakawan Gred S5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3(c); atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
(b) had umur pelantikan:
(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
7. Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab melaksanakan secara profesional program pembangunan sumber maklumat, pendokumentasian dan pengurusan maklumat, penyediaan perkhidmatan dan kemudahan yang diperlukan oleh pengguna perpustakaan, menjalankan tugas-tugas pentadbiran dan pengurusan kewangan, penyediaan dan pengurusan sumber manusia, melaksanakan pemuliharaan dan keselamatan sumber maklumat dan aplikasi ICT di perpustakaan.
8. Taraf Jawatan : Kontrak (Interim)
9. Tarikh Tutup Permohonan : **20 Julai 2026 (Isnin)**